

Pekerja Indonesia diingat dapatkan keizinan rasmi bekerja di Malaysia

Daripada ZULKEFLI HAMZAH
UM - 7 FEB 2002

JAKARTA 6 Feb. — Presiden Megawati Sukarnoputri hari ini mengingatkan tenaga kerja Indonesia yang mahu mencari pekerjaan di Malaysia supaya mendapatkan keizinan secara rasmi daripada kerajaan kedua-dua negara terlebih dahulu.

Menteri Kehakiman dan Hak Asasi Manusia, Yusril Ihza Mahendra berkata, Megawati menyatakan peringatan itu berikutan kesediaan Malaysia menerima semula pekerja Indonesia bekerja dalam sektor peladangan dan pembantu rumah di negara tersebut.

"Megawati menyampaikan bahawa pemerintah akan mempersilakan mereka yang mempunyai izin untuk berangkat ke Malaysia," katanya kepada wartawan selepas menemui Presiden di sini hari ini.

Yusril yang menjadi wakil Megawati, Jumat lalu telah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi membincangkan isu tenaga kerja Indonesia yang telah menimbulkan kontroversi.

Dr. Mahathir, katanya, turut mengharapkan hubungan Indonesia-Malaysia tetap berjalan baik dan tidak menjadikan isu tenaga kerja itu sebagai sebab rengangnya hubungan antara kedua-dua buah negara.

Menurut Yusril, Presiden juga memintanya dan Menteri Luar, Hassan Wirajuda untuk melakukan perundingan bilateral dengan Malaysia bagi membahas masalah tenaga kerja pada 18 Februari ini.

Sementara itu, Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi, Jacob Nuwa Wea meminta ejen menghentikan buat sementara waktu penghantaran tenaga kerja ke luar negara sehingga proses penyusunan semula sistem pengambilan pekerja selesai dilakukan oleh pihaknya.

Kata beliau, ia bagi mengelak timbulnya masalah kepada ejen mahupun tenaga kerja yang akan dihantar ke luar negara apabila nanti pihaknya terpaksa menolak permohonan mereka.

"Kalau pengambilan dan penghantaran nanti ditolak, itu akan menjadi masalah. Untuk itu, kita meminta semua ejen agar tidak dulu menghantar tenaga kerja ke luar negara sehingga segala persoalan mengenyainya selesai," katanya seperti dipetik oleh detik.com selepas mengadakan dialog dengan para duta di Jabatan Luar Negara di sini, hari ini.

Jacob menambah, Indonesia akan terus melobi kerajaan Malaysia supaya tidak melaksanakan rancangannya untuk mengurangkan pengambilan tenaga kerja Indonesia dan bila perlu, beliau sendiri akan berkunjung ke sana.

Beliau turut bimbang jika penghantaran tenaga kerja Indonesia dihentikan akan meningkatkan lagi kehadiran pendatang tanpa izin kerana di sempadan Indonesia-Malaysia terdapat 78 lokasi yang setiap saat boleh digunakan untuk menyeberang ke negara tersebut. — *Utusan*